



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

# Smart Home Cover – Berbilang Tahun

Polisi

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))

## Smart Home Cover – Polisi Berbilang Tahun

### Perjanjian kami

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedи yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai. **Polisi** ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

### Kewajipan anda untuk memberitahu kami

#### Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) iaitu **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedи di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

**Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### Digunakan untuk Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Di mana **Anda** telah memohon untuk insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang munasabah dalam keadaan itu mungkin dijangka

untuk tahu sebagai relevan jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi anda (s), perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans **Anda**.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak **Anda** insurans telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan Kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

**Anda** mesti memberitahu **kami** apa-apa insurans lain yang **Anda** telah membeli pada masa pembelian insurans ini, dan juga semasa **Tempoh Insurans** ini, melindungi mana-mana harta yang sama diinsuranskan di bawah **Polisi** ini.

Notis tersebut perlu diberikan dan disahkan oleh **Kami** dalam **Polisi** ini sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan jika tidak semua manfaat di bawah **Polisi** ini boleh dibatalkan.

### Apakah yang membentuk polisi ini

**Insurans tidak melindungi diri Anda terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku.**

**Sila baca Polisi ini dengan teliti bagi memastikan Anda faham tentang apa yang dilindungi serta terma dan syarat yang digunakan dan pastikan Anda berpuashati dengan perlindungan yang diberi.**

Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan **Polisi**.

**Polisi, Jadual** dan **Pengendorsan-pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ianya membentuk kontrak insurans **Anda**.

**Polisi** ini menetapkan apa yang diinsuranskan terhadap **Anda** seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi atau dicakupi.

Sesetengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Polisi** ini. **Anda** boleh menyemak maknanya di bahagian Glosari.

Perlindungan insurans yang diperuntukan di bawah **Polisi** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** mengamati dan memenuhi **sepenuhnya** terma-terma, peruntukan-peruntukan, **pengendorsan-pengendorsan** serta fasal-fasal **Polisi** ini.

### Fasal menginsurans

**(Digunakan untuk Seksyen I - Empunyarumah dan Seksyen II - Isirumah)**

**Kami** akan menginsuranskan Bangunan-bangunan dan/atau Isi Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Anda** semasa **Tempoh Insurans**.

Perlindungan ini diberikan atas dasar:-

- (i) **Anda** bersetuju membayar **Premium** untuk perlindungan ini, dan maklumat lisan/bertulis yang diberikan oleh **Anda** semasa
- (ii) memasuki kontrak ini.

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian Yang Diinsuranskan** berlaku dalam **Tempoh Insurans** ini dan tertakluk kepada



**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam Polisi, **Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembakaran, mengganti rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Polisi ini melindungi **Anda** sehingga **Jumlah Yang Diinsuranskan** sebagaimana tercatat di dalam **Jadual** untuk kerugian atau kerosakan terhadap bangunan **Anda** dan/atau Isi Kandungan **Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Diinsuranskan**.

**Jadual Anda** akan menunjukkan samada **Anda** telah menginsuranskan bangunan **Anda**, isi kandungan **Anda** atau kedua-duanya.

(Digunakan untuk Seksyen I - Empunyarumah)

#### Bangunan Anda

“**Bangunan**” bermakna bangunan rumah kediaman persendirian dimana **Premis** tersebut terletak termasuk:

- segala pejabat domestik, kandang kuda;
- garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas **Premis** yang sama;
- **lekanan** dan **lengkapan**;
- dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling **Premis**.

“**Kediaman Rumah Persendirian**” juga merujuk kepada Bangunan Rumah Pangsa dan Pangsapuri. Apabila Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri diinsuranskan, Kediaman Rumah Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri

(Digunakan untuk Seksyen II - Isirumah)

#### Kandungan Anda

“**Kandungan**” bermakna segala jenis barang rumah dan setiap **barang peribadi** yang dihuraikan, yang dipunyai oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas **Premis** yang sama yang ditentukan di dalam **Jadual**.

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Kandungan yang dilindungi adalah <b>terhad</b> kepada:</p> <p>(a) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan <b>Jumlah Yang Diinsuranskan</b> tahunan ke atas kandungan</p>	<p>Kandungan yang dilindungi tidak termasuk:</p> <p>(a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;</p> <p>(b) Harta yang diinsuranskan di bawah <b>Polisi</b> yang lebih khusus;</p> <p>(c) Suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling,</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p>kenderaan bermotor dan eksesorai atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p>

#### Kehilangan Wang Peribadi

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> ganti rugi yang dialami sehingga RM1,000 untuk kehilangan wang peribadi milik <b>Anda</b> atau mana-mana ahli <b>Keluarga Anda</b> akibat kecurian atau Rompakan dan Pendahan yang berlaku di Rumah Kediaman Persendirian.</p> <p>Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali setiap Tahun Polisi dalam Tempoh Insurans.</p>	<p>(a) Kehilangan yang tidak dilaporkan kepada Polis dalam masa dua puluh empat jam (24) jam.</p> <p>(b) Kehilangan akibat kecurian dengan kemasukan tanpa paksa ke <b>Rumah Kediaman Persendirian Anda</b>.</p> <p>(c) Wang milik majikan <b>Anda</b> atau majikan mana-mana ahli <b>Keluarga</b> atau <b>Isirumah Anda</b> yang berkaitan dengan mana-mana perniagaan atau usaha komersial</p> <p>(d) Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian oleh pembantu rumah <b>Anda</b> (kecuali jika dinyatakan dalam Jadual) atau mana-mana ahli <b>Keluarga Anda</b>.</p>

#### Waranti yang digunakan

(Terpakai untuk Seksyen I – Empunyarumah dan / atau Seksyen II - Isirumah)

Polisi ini adalah tertakluk kepada waranti-waranti berikut:

##### (A) Waranti Larangan Barang Niaga

Tidak ada mana-mana bahagian **Premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa berkuatkuasanya **Polisi** ini.

##### (B) Waranti Premium

**Premium** yang perlu dibayar kepada **Kami** mesti dijelaskan dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya **Polisi/Endorsemen/sijil** pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini secara automatik adalah terbatas dan **Kami** berhak ke atas premium pro rata sepanjang tempoh **Kami** menanggung risiko.

Apabila **Premium** yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh **Kami** bagi maksud **Waranti** ini.

Beban membuktikan bahawa **Premium** yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima **Premium** tersebut terletak pada **Kami**.

## Kejadian yang Dilnsuranskan

(Digunakan untuk Seksyen I – Empunyarumah dan/atau Seksyen II - Isirumah)

Dilindungi	Tidak Dilindungi	3/20
<b>Kami</b> akan menyediakan perlindungan untuk kerugian atau <b>kerosakan</b> kepada <b>Bangunan</b> dan/atau <b>Kandungan</b> yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:	<b>Kami</b> tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada <b>Bangunan</b> dan/atau <b>Isi Kandungan Anda</b> yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:	
1. Kebakaran, Kilat, Petir, kebakaran Bawah Tanah.		
2. Letusan		
3. Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya		
4. Hentaman terhadap mana-mana bangunan:		
(i) Untuk <b>Kediaman Persendirian</b> , oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: • <b>Anda</b> ; atau • Ahli <b>Keluarga Anda</b> .		
(ii) Untuk Blok rumah Pangsa atau Pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: • <b>Anda</b> ; atau • Ejen atau pekhidmat <b>Anda</b> ; atau • Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian.		
5. Pecahan atau Melimpahan Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah	(a) Amount <b>Lebihan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> . (b) Kemusnahaan atau kerosakan yang berlaku ketika <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> tidak dihuni.	
6. Kecurian, tetapi hanya jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar	(a) Sekiranya <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu <b>Tempoh Insurans</b> , perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh <b>Kami</b> melalui <b>Pengendorsan</b> . (b) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Anda</b> atau mana-mana ahli <b>Keluarga Anda</b> atau mana-mana individu yang diberi kuasa untuk berada di premis <b>Anda</b> .	

Dilindungi	Tidak Dilindungi
7. Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin	(a) Amaun <b>Lebihan</b> seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> . (b) Kerugian atau kerosakan kepada: (i) mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pemberian kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi; (ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, birai, papan tanda <b>lekanan</b> atau <b>kelengkapan</b> luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.
	(a) Amaran <b>Lebihan</b> seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
8. Gempa bumi, Letusan Gunung Berapi	(a) Amaran <b>Lebihan</b> seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
9. Banjir	(b) Kerugian atau kerosakan kepada <b>Bangunan</b> yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi.
10. Rompakan & Rompakan Bersenjata dalam Premis	

## Manfaat Tambahan

(Terpakai untuk Seksyen I – Empunyarumah dan/atau Seksyen II – Isirumah)

Manfaat Tambahan disediakan untuk **Anda** tanpa sebarang **premium** tambahan tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam **Polisi**.

(Digunakan untuk Seksyen II – Isirumah)

Digunakan sekiranya **Polisi** ini hanya melindungi **Isi Kandungan Anda**:

### (A) Harta yang dipindahkan sementara

Dilindungi	Tidak Dilindungi
Anda dilindungi di bawah <b>Kejadian yang Diinsuranskan</b> apabila <b>Isi Kandungan</b> rumah dipindahkan sementara daripada <b>Kediaman Persendirian</b> , Anda tetapi masih dalam <b>kawasan Geografi</b> , dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Polisi insurans lain.	(a) <b>Isi Kandungan</b> dipindahkan untuk jualan atau pameran. (b) <b>Isi Kandungan</b> yang diletakkan di tempat simpanan perabut. (c) Kerugian akibat <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> 7 (Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin), <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> 8 (Gempa

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah lima belas (15) peratus daripada <b>Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan</b> ke atas <b>Isi Kandungan Rumah</b>.</p>	<p>Bumi, Letusan Gunung Berapi) dan <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> 9 (Banjir) ketika <b>Isi Kandungan</b> dalam transit.</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p>pakaian dan <b>barang peribadi</b> kepunyaan orang gaji domestik <b>Anda</b>, yang tinggal bersama <b>Anda</b> atau mana-mana Ahli <b>Keluarga Anda</b> dalam kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah <b>Polisi</b> insurans lain.</p>

#### (B) Kerosakan kepada Cermin Kaca

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Anda</b> dilindungi untuk kepecahan kepada cermin kaca di dalam <b>Kediaman Persendirian</b>.</p> <p>Had tanggungan <b>Kami</b> adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan.</p>	(a) Cermin Bimbit

#### (C) Pampasan bagi Kematian

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Anda</b> dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang diinsuranskan, <b>Kami</b> akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, <b>Anda</b> mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada <b>Kami</b>.</p> <p>Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b> atau satu setengah daripada <b>Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan</b> ke atas <b>Kandungan</b>, yang mana lebih rendah.</p>	<p>Tiada</p>

#### (E) Kerja-kerja Kontrak Rumah

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p><b>Kami</b> akan membayar ganti rugi <b>Anda</b> bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada <b>Isi Kandungan</b> disebabkan oleh kerja-kerja kontrak atau pengubahsuaian yang dilakukan oleh kontraktor di <b>Premis Anda</b> (termasuk sebarang kecurian <b>Isi Kandungan</b> yang disertai dengan pencerobohan masuk atau keluar secara paksaan dan dengan keganasan di <b>Premis Anda</b> atau sebarang percubaan sedemikian) semasa tempoh hiasan dalaman, pemberian semula atau pengubahsuaian, tertakluk kepada perkara berikut:</p> <p>(a) perlindungan di bawah manfaat ini adalah untuk tempoh kontrak atau kerja-kerja pengubahsuaian yang dilakukan tertakluk kepada tempoh maksimum 2 bulan sahaja dan akan terpakai kepada setiap kontrak atau kerja pengubahsuaian yang berbeza yang dilakukan sepanjang <b>Tempoh Insurans</b>; dan</p> <p>(b) liabiliti <b>Syarikat</b> adalah terhad sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p> <p><b>Kami</b> tidak akan memberi perlindungan untuk kehilangan atau kerosakan pada <b>Isi Kandungan</b> seperti berikut:</p> <p>(a) Kerugian atau kerosakan yang boleh diramalkan dengan mengambil kira jenis kerja pembinaan atau cara pelaksanaannya;</p> <p>(b) Kos langkah pencegahan atau pengurangan kerugian yang perlu semasa tempoh hiasan dalaman atau pengubahsuaian;</p> <p>(c) Kerugian turut dalam apa jua bentuk;</p> <p>(d) Kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kerosakan reka bentuk hiasan dalaman atau kerja-kerja pengubahsuaian yang dijalankan;</p> <p>(e) Kehilangan atau kerosakan yang ditemui semasa pengambilan inventori;</p> <p>(f) Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan misteri atau kehilangan yang tidak dapat dijelaskan;</p> <p>(g) Kerugian atau kerosakan di mana kontraktor bertanggungjawab sama ada dari segi undang-undang atau di bawah kontrak;</p> <p>(h) Kehilangan atau kerosakan akibat kerja-kerja penyelenggaraan; dan</p> <p>(i) Kehilangan atau kerosakan pada <b>Isi Kandungan</b> yang sedang atau telah diusahakan oleh kontraktor jika kerugian atau kerosakan itu berpunca secara langsung daripada kerja tersebut.</p>

#### (D) Harta Orang Gaji

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<b>Anda</b> dilindungi ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> terhadap	(a) Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.

#### (F) Makanan Beku atau Mudah Rosak

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar ganti rugi <b>Anda</b> atas kerugian atau kerosakan kepada makanan beku atau makanan mudah rosak untuk penggunaan isi rumah yang disebabkan oleh kebakaran atau sebarang peril yang diinsuranskan di bawah <b>Polisi</b> ini yang secara langsung atau tidak langsung menjelaskan peti sejuk dan/ atau peti sejuk beku di mana makanan tersebut disimpan, sehingga had yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p>	Tiada

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p>yang sebenar (kecuali dinyatakan sebaliknya dalam <b>Jadual</b>) ke <b>Kediaman Rumah Persendirian Anda</b>.</p>

(Digunakan untuk **Seksyen I - Empunyarumah dan/atau Seksyen II - Isirumah**)

Digunakan sekiranya **Polisi Anda** menginsuranskan **Bangunan** dan/atau **Isi Kandungan Anda**:

#### (I) Sewa Insurans

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Selaku tuanpunya, <b>Anda</b> dilindungi untuk kerugian sewa sekitar <b>Rumah Kediaman Persendirian Anda</b> seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b> tidak boleh dihuni akibat daripada <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Selaku Penghuni, <b>Kami</b> akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada sesuatu <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b> bagi tempoh yang diperlukan untuk pemgembalian semula.</p> <p>Manfaat ini adalah tambahan kepada <b>Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan</b> seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada <b>Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan</b> ke atas <b>Bangunan</b> dan/atau <b>Isi Kandungannya</b>.</p>	Tiada

#### (G) Penggunaan Kad ATM/Debit/Kredit tanpa Kebenaran

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar ganti rugi <b>Anda</b> atau mana-mana ahli <b>Keluarga Anda</b> atas kerugian yang timbul daripada penggunaan kad ATM, debit atau kredit <b>Anda</b> atau ahli <b>Keluarga Anda</b> tanpa kebenaran disebabkan oleh kecurian (disertai dengan pencerobohan masuk atau keluar dari Premis secara paksaan dan dengan ke ganasan atau sebarang percubaan sedemikian) atau rompakan dan tahanan di Premis sehingga had yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p>	<p><b>Kami</b> tidak akan menanggung kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kerugian yang tidak dilaporkan kepada polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam; dan</li> <li>(b) Kerugian akibat kecurian oleh pembantu rumah <b>Anda</b> (kecuali dinyatakan sebaliknya dalam <b>Jadual</b>), ahli keluarga <b>Anda</b> atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk berada di dalam premis <b>Anda</b>.</li> </ul>

#### (H) Kehilangan Dokumen Peribadi

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> atau mana-mana ahli <b>Keluarga Anda</b> bagi kos pengantikan Kad Pengenalan, pasport, lesen memandu, kad debit atau kredit dan dokumen peribadi lain akibat kebakaran atau sebarang peril yang diinsuranskan di bawah <b>Polisi</b> ini sehingga had yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p>	<p><b>Kami</b> tidak akan menanggung kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kerugian akibat kecurian atau rompakan di <b>Premis</b> yang tidak dilaporkan kepada polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam;</li> <li>(b) Kerugian akibat kecurian oleh pembantu rumah <b>Anda</b> (kecuali dinyatakan sebaliknya dalam <b>Jadual</b>), ahli keluarga <b>Anda</b> atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk berada di dalam premis <b>Anda</b>; dan</li> <li>(c) Kerugian yang timbul daripada kecurian tanpa sebarang pecah masuk</li> </ul>

#### (J) Liabiliti kepada Awam

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan mengganti rugi <b>Anda</b> atau pasangan <b>Anda</b> terhadap liabiliti undang-udang dimana <b>Anda</b> mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan <b>Kemalangan</b> atau siri <b>Kemalangan</b> yang terjadi dari</p>	<p>(a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap <b>Anda</b> atau pasangan <b>Anda</b>, di mana-mana mahkamah Negara-negara diluar Malaysia.</p> <p>(b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>satu <b>Kejadian</b>, dalam <b>Tempoh Insurans</b> pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan <b>Ahli Keluarga, Penghuni rumah</b> atau yang berkhidmat dengan <b>Anda</b>:</p> <p>(a) Liabiliti selaku Tuanpunya <b>Bangunan</b> yang disebabkan oleh kecacatan di dalam <b>Bangunan</b>.</p> <p>(b) Liabiliti selaku penghuni yang disebabkan oleh <b>Kemalangan</b> di dalam atau sekitar <b>Rumah Kediaman Persendirian</b>.</p> <p>Had liabiliti <b>Kami</b> tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam <b>Jadual</b>.</p> <p><b>Kami</b> akan membayar gantirugi kepada <b>Anda</b> atau pasangan:</p> <p>(a) Sebarang kos perundungan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada <b>Anda</b> atau pasangan <b>Anda</b> oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh <b>Kami</b> sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar sama ada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu kejadian.</p> <p>(b) Kos perundungan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh <b>Anda</b> atau Pasangan dengan persetujuan <b>Kami</b>.</p> <p>Jika bangunan-bangunan adalah untuk Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri, gantirugi <b>Kami</b> kepada <b>Anda</b> adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap <b>Anda</b> selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa tempoh insurans.</p>	<p>mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.</p> <p>(c) <b>Kami</b> tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pemunayaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak <b>Anda</b> atau pasangan <b>Anda</b> berkaitan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya;</li> <li>• Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan <b>Anda</b>;</li> <li>• Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik) yang dilekапkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu dalam Bangunan yang diinsuranskan;</li> <li>• Apa-apa perjanjian kontrak;</li> <li>• Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos;</li> <li>• Mana-mana bahagian <b>Bangunan</b> yang diinsuranskan yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau peniagaan <b>Anda</b>.</li> </ul>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Kami akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi <b>Anda</b> sekiranya berlaku kematian kepada <b>Anda</b> berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh <b>Anda</b> atau Pasangan <b>Anda</b> dengan syarat wakil sah peribadi <b>Anda</b> mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam <b>Polisi</b>.</p>	

#### (K) Pembaikan sementara kepada Premis

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> ganti rugi hingga RM500.00 untuk setiap tuntutan yang <b>Anda</b> kemukakan di bawah manfaat ini sepanjang <b>Tempoh Insurans</b> untuk kos pembaikan sementara dan perlindungan sementara yang diperlukan untuk keselamatan harta tanah sementara menunggu penyelesaian kerja-kerja pembaikan kepada harta tanah akibat <b>Kejadian Yang Diinsuranskan</b>.</p>	Tiada

#### (L) Caj Bomba

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> kos penggantian peralatan pemadam kebakaran dan kos untuk mendapatkan sebarang laporan yang <b>Anda</b> tanggung berikutnya berlakunya kebakaran atau sebarang kejadian yang diinsuranskan di <b>Premis</b>. Liabiliti <b>Syarikat</b> adalah sehingga had yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b>.</p>	Tiada

#### Fasal Menginsurans

(Digunakan untuk Seksyen III – Pelindungan Gadai Janji Ansuran)

**Kami** akan menanggung rugi pembayaran ansuran bulanan **Bangunan Anda yang Diinsuranskan** sekiranya:

- (i) Kerugian atau kerosakan pada bangunan **Anda** oleh kejadian yang diinsuranskan yang dilindungi (di mana kerugian melebihi 15% daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** untuk bangunan yang telah disahkan oleh pelaras); atau
- (ii) **Anda** dipindahkan oleh pihak Berkuasa tempatan daripada bangunan **Anda** yang disebabkan oleh Kejadian Yang Diinsuranskan melebihi masa 72 jam;

**Kami** akan menanggung rugi **Anda** jumlah ansuran bulanan yang dikenakan ke atas **Anda** di bawah Perjanjian Pinjaman Gadai Janji hanya untuk tempoh kerja-kerja pemberian bagi kerugian atau kerosakan kepada **Bangunan Anda** seperti yang ditentukan oleh pelaras yang telah kami atau bagi tempoh pemindahan anda melebihi 72 jam sehingga pelepasan daripada Pihak Berkuasa tempatan untuk menamatkan pemindahan, dengan yang minimum (1) ansuran bulanan sehingga maksimum enam (6) ansuran bulanan atau had indemniti yang maksimum berdasarkan Pelan yang dipilih, yang mana lebih rendah.

dan

- (iii) Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal

**Kami** akan menanggung jumlah ansuran bulanan yang dikenakan ke atas **Anda** di bawah Perjanjian Pinjaman Gadai Janji akibat Kematian kerana kemalangan atau **Hilang Upaya Kekal** (berlaku dalam dua belas (12) bulan kalender dari tarikh Kemalangan) sehingga maksimum enam (6) bulan ansuran atau sehingga baki pinjaman yang tinggal atau sehingga had ganti rugi maksimum berdasarkan Pelan yang dipilih, yang mana lebih rendah.

Sebarang bayaran yang dibuat di bawah seksyen ini akan mengurangkan **Jumlah Yang Diinsuranskan** tahunan sebanyak jumlah tersebut daripada tarikh **Kemalangan** sehingga tamat **Tahun Polisi**. **Jumlah Yang Diinsuranskan** tahunan yang penuh akan diguna pakai pada permulaan tahun polisi berikutnya. Sekiranya sejumlah seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan tahunan** telah dibayar dalam **Tahun Polisi**, semua perlindungan di bawah faedah ini akan berhenti berkuasa untuk **Tahun Polisi** yang sama.

#### Faedah di atas tertakluk kepada perkara berikut:

- (a) Jika **rumah** yang menjadi hal perkara **Perjanjian Pinjaman Gadai Janji** dibeli bersama-sama oleh lebih daripada satu (1) Individu, setiap Individu berhak mendapat sebahagian **Jumlah Diinsuranskan** yang sama rata. Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Kekal Upaya salah satu (1) Individu, pembayaran tuntutan itu hendaklah secara berkadar. (Hanya untuk manfaat (iii) sahaja)
- (b) Perlindungan akan berhenti berkuasa dengan serta-merta sebaik sahaja pinjaman gadai janji dibayar sepenuhnya.
- (c) Perlindungan ini tidak lagi terpakai sekiranya **Anda** melupuskan **rumah** yang menjadi hal perkara perjanjian pinjaman gadai janji.
- (d) Perlindungan (iii) tidak terpakai untuk pemilik syarikat yang berdaftar.

#### (Digunakan untuk Seksyen IV – Pemberian Rumah)

**Kami** akan membayar pampasan bagi kos yang **Anda** tanggung untuk kejadian di bawah yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**:

#### 1 Pemberian Paip Pecah

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** berkenaan dengan kos yang ditanggung untuk membaiki (termasuk melapik semula) atau mengganti paip yang rosak atau pecah, termasuk pemecahan dinding dan / atau tampaikan dinding dan harta benda yang terkena kerosakan secara segera akibat paip pecah yang tidak dijangka di **Bangunan Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

#### 2 Pemberian atau Penggantian Pintu, Kunci dan Tingkap

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** berkenaan dengan kos yang ditanggung untuk memperbaiki, mengubah atau mengganti pintu, kunci dan tingkap luaran atau pemberian sementara yang disebabkan oleh keganasan dan pecah masuk secara paksa atau atau cubaan pecah masuk ke dalam **Bangunan Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

#### 3 Elaun Bantuan Domestik

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan bantuan domestik / perkhidmatan pembersihan yang ditanggung dalam tempoh empat belas (14) hari selepas:

- (a) berlakunya sebarang **Kejadian Yang Diinsuranskan** di bawah Seksyen I dan/atau Seksyen II; atau
- (b) selesai kerja-kerja pemberian akibat **Kejadian yang Diinsuranskan** tersebut.

**Anda** hanya boleh membuat satu (1) tuntutan bagi setiap **Kejadian yang Diinsuranskan** di bawah manfaat ini.

#### 4 Pemberian / Perkhidmatan Rumah

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** berkenaan dengan kos yang ditanggung untuk perkhidmatan atau pemberian yang berikut di **Bangunan Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual**. Manfaat ini hanya terpakai untuk kategori berikut dan **Anda** boleh memperolehi perkhidmatan yang berkenaan dari laman web **Rakan Kongsi Kami** atau penyedia perkhidmatan lain:

- Penyaman udara;
- Paip;
- Pendawaian elektrik;
- Mengecat;
- Bumbung; dan
- Tukang Kunci.

Manfaat ini hanya boleh ditutup sekali setiap **Tahun Polisi**.

#### 5 Penjagaan Rumah

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** berkenaan dengan kos yang ditanggung untuk perkhidmatan berikut di **Bangunan Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual**. Manfaat ini hanya terpakai untuk kategori berikut dan **Anda** boleh memperolehi perkhidmatan yang berkenaan dari laman web **Rakan Kongsi Kami** atau penyedia perkhidmatan lain:

- Pengawalan serangga anai-anai atau pepijat tilam sekiranya terdapat serangan anai-anai atau pepijat tilam di **Bangunan Anda**;
- atau
- Perkhidmatan pembasmi kuman sekiranya **Anda** atau ahli keluarga atau penghuni **Anda** dijangkiti penyakit yang wajib dilaporkan.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Bagi tujuan peruntukan ini, istilah "penyakit yang wajib dilaporkan" bermaksud penyakit yang dihidap oleh **Anda** atau mana-mana anggota **Keluarga Anda** atau **Penghuni** yang disebabkan oleh penyakit berjangkit akibat penularan manusia ke manusia [tidak termasuk semua Penyakit Kelamin dan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS)] yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa awam yang relevan dan harus dilaporkan kepada pihak berkuasa awam yang berkenaan. Selain itu, untuk tujuan peruntukan ini, istilah "penghuni" bermaksud seseorang yang bukan **Anggota Keluarga Anda** yang tinggal di **Bangunan Anda** di mana **Bangunan Anda** adalah tempat kediamannya.

Manfaat ini hanya boleh ditutut sekali setiap **Tahun Polisi**.

#### 6 Penambahbaikan Rumah (Tambah Pilihan)

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada penambahbaikan rumah yang merupakan sebahagian daripada **Bangunan** atau **Rumah Kediaman Persendirian** yang disebabkan oleh atau timbul daripada sebarang kemalangan atau malang tertakluk kepada pengecualian yang berkenaan di bawah **Polisi** ini.

Selain daripada pengecualian di bawah **Polisi** ini, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk menggantirugi **Anda** bagi kerugian atau kerosakan berikut:

- (a) kerugian atau kerosakan yang timbul daripada haus dan lusuh, susutnilai, kemerosotan beransur-ansur, karat, kulapuk, kupu-kupu, serangga perosak atau berkaitan dengan sebarang proses pembersihan, pencelupan, pemberian, pemulihan atau pengubahsuaian mana-mana harta yang diinsuranskan di sini;
- (b) kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau secara langsung boleh dikesan kembali ke kecacatan mekanikal/elektrikal dalam atau gangguan mekanikal/elektrikal atau kerosakan mekanikal apa-apa artikel atau kerosakan fungsi peralatan elektronik; dan
- (c) calar atau kemek dan/atau retak pada sebarang penambahbaikan rumah, melainkan disebabkan oleh kecurian dan/atau kebakaran.

Bagi tujuan peruntukan ini, istilah "Penambahbaikan Rumah" bermaksud pengubahsuaian dalaman, kerja hiasan dalaman, kelekanan dan kelengkapan yang dipasang secara kekal pada bahagian dalaman Bangunan atau **Kediaman Rumah Persendirian**.

(Digunakan untuk Seksyen IV – Insurans Tuan Penyewa)

Seksyen ini terpakai, sekiranya **Anda** telah menyewakan **Bangunan Anda** kepada penyewa.

#### 1 Kerosakan akibat tindakan Jahat oleh Penyewa

**Kami** akan membayar kerugian atau kerosakan kepada **Bangunan Anda** yang disebabkan oleh tindakan jahat penyewa **Anda** semasa **Tempoh Insurans** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual**. Namun, **Kami** tidak akan membayar kerugian atau kerosakan akibat:

- (a) Haus dan lusuh **Bangunan Anda**; atau
- (b) Penjagaan rumah yang buruk oleh penyewa **Anda** atau ahli keluarga terdekat mereka atau orang yang dijemput oleh penyewa **Anda**; atau
- (c) Kos pembersihan, hiasan semula, mengecat atau melekat dinding kecuali jika kerosakan struktur fizikal telah berlaku pada **Bangunan Anda**.

#### 2 Penyewa Mendarikan Diri

**Kami** akan membayar **Anda** jumlah sekaligus seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** jika **Anda** gagal mengutip wang sewa kerana **Penyewa Anda** telah mendarikan diri. Manfaat ini hanya boleh ditutut sehingga dua kali dalam satu **Tahun Polisi**.

#### 3 Yuran Guaman untuk Surat Tuntutan

Atas permintaan **Anda**, **Kami** akan menanggung kos untuk mengeluarkan surat tuntutan bagi pihak **Anda** kepada penyewa **Anda** untuk menuntut apa-apa sewa yang dihutang oleh penyewa **Anda** mengikut perjanjian sewa **Anda** dengan penyewa. Manfaat ini hanya boleh ditutut sehingga dua kali dalam satu **Tahun Polisi**.

### Pengecualian Am

(Digunakan untuk Semua Seksyen)

**Anda** tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

#### Pengecualian Am 1

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- (b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
- (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan..

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian tersebuthendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian,kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda**.

**Pengecualian Am 2**

**Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:

- (a) yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletaknya harta tersebut;
- (b) kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- (c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- (d) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

**Pengecualian Am 3**

**Kami** tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan kecuali Insurans Sewa.

**(Digunakan Seksyen III – Pelindungan Gadai Janji Ansuran)**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan/hilang upaya langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:

- (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tertera atau rampasan;
- (b) Hilang akal, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan;
- (c) Apa-apa bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Human Immunodeficiency Jangkitan Virus (HIV). Walau bagaimanapun penyakit yang dinamakan dinyatakan secara khusus di bawah Faedah D dan E boleh dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan di dalamnya;
- (d) Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi daripadanya;
- (e) Pembunuhan atau serangan;
- (f) Semasa dalam perjalanan di dalam pesawat sebagai anak kapal, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang berlesen untuk perkhidmatan penumpang;
- (g) Ketika melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan menyalahi undang-undang;
- (h) Semasa mengambil bahagian dalam mana-mana sukan profesional;
- (i) Seni mempertahankan diri atau tinju, kegiatan udara termasuk payung terjun dan hang-meluncur, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal;
- (j) Perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), kadar membuat, kelajuan atau kebolehpercayaan ujian;
- (k) Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan senjata nuklear;

- (l) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (Dengan syarat, ianya tidak akan dikenakan jika/pemandu yang diinsuranskan mempunyai lesen tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana lain yang berkaitan undang-undang);

**Bagaimana kami akan membayar tuntutan Insurans anda**

(Digunakan untuk **Semuanya Seksyen**)

**(A) Kepentingan boleh insurans**

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan insurans ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendors **Polisi** ini.

**(B) Tidak ada hak untuk membuat tuntutan daripada orang lain**

Ketika **Polisi** ini menginsuranskan harta milik **Keluarga Anda** atau orang gaji domestik, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

**(C) Terhad kepada tiga (3) tetamu berbayar sahaja**

**Polisi** ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi maksud Manfaat Tambahan – F) Liabiliti Kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai Ahli **Keluarga Anda**.

**(D) Nilai Pasaran**

**Kami** akan mengganti rugi **Anda** nilai yang diinsuranskan atau **nilai pasaran** bagi harta yang diinsuranskan yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang **lebihan**.

Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **haus** dan **lusuh** dan/atau **susutnilai**. Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:

- Pembuat, atau
- Ejen tunggal yang sah atau Ejen, atau
- Broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- Kontraktor bangunan, atau
- Penyelaras Kerugian Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Anda dan Kami.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

**(E) Liability maksimum kami**

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tahun Polisi** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** tahunan yang dinyatakan secara khusus di dalam jadual atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Polisi**.

**(F) Purata**

Jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di dalam **jadual**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.

**(G) Lebihan**

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang tertakluk kepada **Lebihan, Lebihan** diguna pakai secara berasingan kepada:

- (a) setiap bangunan. Semua bangunan di dalam **premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **jadual** adalah dianggap sebagai satu bangunan.
- (b) setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

**(H) Insurans lain**

Jika terdapat sebarang **Polisi** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

**(I) Subrogasi**

**Kami** berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- mendapatkan kembali pampasan atau **gantirugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

**(J) Penipuan**

**Kami** tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**.

**(K) Hak akses dan kawalan**

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- mengambil dan mengekal milik harta yang diinsuranskan;
- menguruskan sisaan harta yang diinsuranskan yang telah rosak.

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang diinsuranskan yang telah rosak itu kepada **Kami**.

**(L) Timbangtara**

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai aman kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk

melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang **Wasit** untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan award hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award.

**Anda** dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh mulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

## Bagaimana untuk membuat tuntutan Insurans anda

(Digunakan untuk Semua Seksyen)

**(A) Notis dan bukti tuntutan**

**Anda** hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- dalam tempoh 30 hari selepas kejadian dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

**(B) Pelan-pelan Bangunan**

Sekiranya **Kami** memilih untuk memulihkan semula mana-mana bangunan, **Anda** hendaklah menyediakan kepada **Kami**, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin di kehendaki **Kami**.

**(C) Tuntutan liabiliti**

**Anda** hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada **Kami** dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada **Kami** secepat yang mungkin.

**Anda** hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

**Anda** tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

#### (Digunakan untuk Seksyen IV – Pembaikan/Perkhidmatan Rumah dan Penjagaan Rumah)

**Anda** boleh menggunakan manfaat ini dengan meminta sebut harga pekerjaan melalui laman web rakan kongsi **Kami** atau penyedia perkhidmatan lain.

Sekiranya **Anda** menggunakan perkhidmatan rakan kongsi **Kami**, **Anda** perlu membayar rakan kongsi sepenuhnya setelah mendapat pengesahan mengenai sebut harga. Setelah perkhidmatan selesai, **Anda** perlu menyerahkan salinan bil kepada **Kami** untuk pembayaran balik.

Begitu juga, sekiranya **Anda** menggunakan penyedia perkhidmatan bukan melalui rakan kongsi **Kami** untuk menyediakan perkhidmatan atau Penjagaan Rumah, **Anda** perlu menyerahkan salinan bil kepada **Kami** untuk pembayaran balik.

Sekiranya **Anda** memilih untuk mendapatkan perkhidmatan atau pembaikan dari laman web rakan kongsi kami, **Anda** bersetuju bahawa penyedia perkhidmatan yang dipilih untuk mana-mana perkhidmatan atau pembaikan yang dilindungi di bawah Pembaikan / Perkhidmatan Rumah dan Penjagaan Rumah sepenuhnya mengikut budi bicara **Anda** dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penyedia perkhidmatan semasa menjalankan perkhidmatan atau pembaikan tersebut.

#### Tanggungjawab anda

(Digunakan untuk Setiap Seksyen)

##### (A) Tanggungjawab untuk mengambil langkah berhati-hati

**Anda** hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara **Premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuanpunya Kediaman **Persendirian**, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

**Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

##### (B) Pengembalian jumlah yang diinsuranskan

Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** yang terpakai bagi Bahagian 1 - Empunyarumah dan/atau Bahagian 2 - Isirumah akan dikembalikan semula tanpa sebarang bayaran premium tambahan selepas setiap bayaran untuk dua bayaran kerugian pertama yang sah yang dibayar dalam **Tempoh Insurans**. Selepas bayaran kerugian yang ketiga yang sah, keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** bagi Polisi ini akan dikekalkan dengan syarat **Anda** membayar tambahan **Premium** pro-rata tambahan berdasarkan jumlah kerugian yang dikira dari tarikh belakunya kerugian yang ketiga hingga tarikh insurans tamat.

##### (C) Fasal polisi tanpa nilai

Ini adalah suatu **Polisi** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga syarikat berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

#### Bagaimana polisi anda boleh dibatalkan

(Digunakan untuk Setiap Seksyen)

Pembatalan Polisi anda adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Kadar jangka pendek atau Premium minimum yang perlu dibayar, mengikut mana-mana yang terpakai, untuk pembatalan Polisi oleh **Anda** dengan syarat bahawa **Premium** tidak akan dibayar balik jika sebarang tuntutan dibuat dalam **Tahun Polisi** semasa dalam **Tempoh Insurans**.
2. **Premium** Pro-rata akan dipulangkan jika kita membatalkan Polisi pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** tujuh (7) hari notis secara bertulis,
3. Tiada bayaran balik premium bagi sebarang penghapusan Seksyen III, Seksyen IV dan Bahagian V.

(Nota: Ia adalah disyorkan bahawa hanya Manfaat Pilihan dipilih oleh pemegang polisi yang perlu dimasukkan ke dalam jaket polisi)

#### Manfaat pilihan

Dengan premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi Bangunan dan/atau Isi Kandungan yang diinsuranskan. Manfaat Pilihan akan dinyatakan di dalam Jadual sekiranya **Anda** memilih untuk mengambilnya

(Digunakan untuk Seksyen I - Empunyarumah sahaja)

##### Manfaat Pilihan No. 1

Perluasan untuk melindungi barang isirumah dan perabut Tuan tanah di dalam Blok rumah pangsa/pangsapuri (n.b) manfaat ini Adalah untuk tuan tanah sahaja).

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Segaipemilik bangunan, <b>Kami</b> akan menginsurans <b>Anda</b> dengan jumlah RM (seperti dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>) sebagai nilai penuh barangani rumah dan perabut milik <b>Anda</b>. Jumlah ini akan digunakan dengan kadar yang sama rata untuk setiap unit rumah pangsa/pangsapuri persendirian.</p> <p><b>Kejadian yang Diinsuraskan</b> untuk kerugian atau kerosakan kepada barangani rumah dan perabut Tuan Tanah di bawah perluasan ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah.</li> <li>2. Letupan.</li> <li>3. Pesawat dan Peranti Udara yang lain atau sebarang benda yang gugur daripadanya.</li> <li>4. Hentaman terhadap mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Anda</b> atau ejen atau orang gaji <b>Anda</b>.</li> <li>• Sesiapa yang tinggal di rumah pangsa/pangsapuri persendirian atau ejen atau orang gajinya.</li> </ul> </li> <li>5. Pecahan atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah.</li> <li>6. Kerugian tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan berkaitan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.</li> <li>7. Hurikan, Siklon, Taufan dan Ribut Angin.</li> <li>8. Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi.</li> <li>9. <b>Banjir</b>, termasuk limpahan air laut.</li> </ol> <p>Untuk Manfaat Tambahan (E) Insurans Sewa, amanun ini akan ditambah kepada <b>Jumlah Yang Diinsuraskan</b> tahunan ke atas Bangunan seperti yang</p>	<p>(a) Segala jenis barangani rumah, perabut atau barangani persendirian yang dibawa ke dalam rumah pangsa persendirian oleh penyewa.</p> <p>(b) Barangani emas atau perak.</p>
	<p><b>Dilindungi</b> dinyatakan di dalam <b>Jadual</b>.</p> <p>Manfaat Tambahan (F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan terhadap liabiliti yang timbul daripada atau secara sampingan oleh kerja-kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau perhiasan kepada bangunan.</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p>Manfaat Tambahan (F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan untuk kemalangan yang disebabkan oleh kecacatan pada barangani rumah dan perabut kepunyaan Tuan Tanah.</p>

#### Manfaat Pilihan No. 2 – Insurans Kepingan Kaca

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan tidak sengaja kepada <b>Kepingan kaca</b> yang terjadi sepanjang <b>Tempoh insurans</b> untuk:</p> <p>(a) Menggantian <b>Kepingan kaca</b> yang pecah dengan kaca yang sama buatan atau kualiti atau mengikut pilihan <b>Kami</b>, <b>Kami</b> akan membayar kepada <b>Anda</b> kos penggantian tersebut tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,000.00 bagi sekeping kaca.</p> <p>(b) Membayar kos untuk menutupi pecahan tersebut yang mana <b>Kami</b> bertanggungjawab ke atasnya.</p>	<p>(a) Pecahan atau kerosakan terhadap bingkai atau rangka bingkai dalam apa keterangan sekalipun;</p> <p>(b) Kos bagi mengalih atau mengganti mana-mana <b>lekapian</b> atau <b>lengkapian</b>;</p> <p>(c) Gelas pecah di rumah kaca, rumah hijau atau bangunan luar;</p> <p>(d) Pemecahan gelas yang pecah atau rosak ketika bermulanya insurans ini;</p> <p>(e) Mana-mana <b>kerugian turutan</b>.</p>

#### Manfaat Pilihan No. 3

Perluasan untuk melindungi kerugian atau kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapian dan lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan **lekapian** dan **kelengkapian** luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar di bawah **Kejadian yang Diinsuraskan** 7(b).

#### Manfaat Pilihan No. 4

Perluasan untuk melindungi terhadap pengubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi jumlah yang Diinsuraskan)

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi pengubahan, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai yang melebihi **Jumlah Yang Diinsuraskan**) kepada Bangunan bagi jumlah tidak melebihi 25% ke atas Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuraskan** ke atas Bangunan.

Manfaat Tambahan (F) Liabiliti kepada Awam kini merangkumi perlindungan terhadap liabiliti yang timbul daripada atau secara sampingan oleh kerja-kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau perhiasan kepada bangunan.

(Terpakai untuk **Bahagian II – Isirumah sahaja**)

#### Optional Benefit No. 5A

Perluasan untuk melindungi perlindungan terhadap kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik atau mana-mana ahli keluarga atau penghuni rumah anda.

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kejadian yang Diinsuranskan</b> No. 6 kini dibaca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri.</p> <p>Untuk isi kandungan yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni;</li> <li>(ii) di dalam mana-mana bangunan di mana <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b> menghuni;</li> <li>(iii) di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan <b>Anda</b>, salah seorang <b>Ahli Keluarga Anda</b> atau seseorang yang telah diberi kuasa.</li> </ul> <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain (i), (ii) dan (iii) di atas, isi kandungan hanya akan diinsuranskan terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<p>1.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Jika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula.</li> <li>(b) Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambungan dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian.</li> <li>(c) Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian <b>Anda</b> atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian.</li> </ul> <p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p> <p>2. Kecurian dari <b>tempat terbuka</b>.</p> <p>3. 1% yang pertama daripada <b>Jumlah Yang Diinsuranskan</b> atau RM250.00 yang mana lebih rendah.</p> <p>4. Kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Anda</b> atau mana-mana ahli <b>Keluarga</b> atau penghuni <b>Rumah Anda</b> atau mana-mana orang yang <b>Anda</b> benarkan mempunyai akses kepada kandungan atau lokasi di mana kandungan disimpan.</p> <p>5. Sekiranya <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> ditinggalkan tanpa penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu <b>tempoh insurans</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh Kami melalui <b>Pengendorsan</b>.</p>

#### Pilihan Manfaat No. 5B

Perluasan untuk melindungi kecurian termasuk oleh pembantu rumah domestik

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p><b>Kejadian yang Diinsuranskan</b> No. 6 kini dibaca seperti berikut:</p> <p>Kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri termasuk kecurian oleh pembantu rumah domestik <b>Pihak Diinsuranskan</b>.</p> <p>Untuk isi kandungan yang dialihkan sementara, kecurian hanya dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Di mana-mana bank, peti simpanan keselamatan atau kediaman persendirian yang dihuni.</li> <li>(ii) Di dalam mana-mana bangunan di mana <b>Anda</b> atau mana-mana <b>Ahli Keluarga Anda</b> menghuni;</li> <li>(iii) Di dalam proses pengalihan dari atau ke mana-mana bank atau peti simpanan semasa di dalam tanggungan <b>Anda</b>, salah seorang <b>Ahli Keluarga Anda</b> atau seseorang yang telah diberi kuasa.</li> </ul> <p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada bangunan.</p> <p>Untuk harta yang dialihkan sementara ke tempat lain selain (i), (ii) dan (iii) di atas, isi kandungan hanya akan diinsuranskan terhadap kecurian atau apa-apa percubaan untuk mencuri sekiranya kecurian tersebut disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.</p>	<p>1.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Jika Bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula.</li> <li>(b) Kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambungan dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian.</li> <li>(c) Kecurian harta pembantu rumah selain daripada rumah kediaman persendirian <b>Anda</b> atau rumah pangsa/pangsapuri/kondominium persendirian.</li> </ul> <p>KECUALI disertai dengan pemecahan masuk atau keluar secara kasar dan ganas daripada bangunan.</p> <p>2. Kecurian dari <b>tempat terbuka</b>.</p> <p>3. 1% yang pertama daripada <b>Jumlah Yang Diinsuranskan</b> atau RM250.00 yang mana lebih rendah.</p> <p>4. Kecurian oleh mana-mana ahli <b>Keluarga</b> atau penghuni <b>Rumah Anda</b> atau mana-mana orang yang <b>Anda</b> benarkan mempunyai akses kepada kandungan atau lokasi di mana kandungan disimpan.</p> <p>5. Sekiranya <b>Rumah Kediaman Persendirian</b> ditinggalkan tanpa penghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara terus menerus dalam mana-mana satu <b>Tempoh Insurans</b>, perlindungan ini akan diberhentikan sementara kecuali telah dipersetujui oleh Kami melalui pengendorsan.</p>

(Digunakan untuk **Seksyen I – Empunyarumah** dan/atau **Bahagian II – Isirumah**)

#### Manfaat Pilihan No. 6

Kenaikan had gantirugi tambahan di bawah manfaat tambahan e-insurans sewa

Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan E-Insurans Sewa dinaikkan kepada ..... ( ) peratus daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan.

**Manfaat Pilihan No. 7**

Kenaikan had gantirugi di bawah manfaat tambahan F - liabiliti kepada awam

Had liabiliti di bawah Manfaat Tambahan F - Liabiliti kepada Awam dinaikan kepada RM ..... untuk mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang merupakan satu **kejadian**.

**Manfaat Pilihan No. 8**

Perluasan perlindungan terhadap rusuhan, mogok dan kerosakan niat jahat

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Niat Jahat.</p> <p>Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekut-masuk) yang bukan <b>kejadian</b> yang disebut di dalam butiran (a), (b) dan (c) dibawah bahagian "Apa yang Tidak Dilindungi" dari peluasan ini.</li> <li>2. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat-akibat daripada kekacauan tersebut.</li> <li>3. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekut-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.</li> <li>4. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.</li> <li>5. Perbuatan niat jahat oleh mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan ketenteraman awam atau pun tidak) samada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan <b>kejadian</b> yang disebutkan</li> </ol>	<p>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana <b>kejadian</b> berikut, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara.</li> <li>(b) Dahagi, kekacauan awam yang boleh dianggap, menghampiri tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan.</li> </ul> <p>Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana <b>kejadian</b> berikut, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara.</li> <li>(b) Dahagi, kekacauan awam yang boleh dianggap, menghampiri tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa.</li> <li>(c) Sebarang tindakan keganasan</li> </ul> <p>Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>di dalam butiran (a), (b) dan (c) dibawah bahagian "Apa yang Tidak Dilindungi" dari peluasan ini.</p> <p>Purata</p> <p>Sekiranya harta yang diinsuranskan, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bermulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang diinsuranskan di bawah perluasan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada <b>Jumlah yang diinsuranskan</b> ke atasnya, maka, <b>Anda</b> hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang setimpal daripada jumlah kerugian. Keadaan ini akan diguna pakai secara berasangan untuk setiap bahagian yang setimpal daripada jumlah kerugian. Keadaan ini akan diguna pakai secara berasangan untuk setiap butiran yang diinsuranskan.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam <b>Polisi</b>.</p>	<p>niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam yang berada di dalam ketakutan.</p> <p>Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila <b>Kami</b> mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan adalah tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi, adalah bergantung kepada <b>Anda</b>.</p> <p>(d) Berkaitan dengan perbuatan niat jahat, <b>Kami</b> tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan akibat daripada pecah masuk, pecah rumah kecurian atau larcen atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian</p> <p>(e) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain <b>kerugian turutan</b> atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekaliupun.</p> <p>(f) Kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.</p> <p>(g) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.</p> <p>(h) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.</p>

Dilindungi	Tidak Dilindungi
	<p>Untuk (g) atau (h) di atas, liabiliti <b>Kami</b> terhadap <b>Anda</b> tidak akan dilepaskan terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang diinsuranskan yang berlaku sebelum kehilangan atau dalam tempoh kehilangan sementara.</p>

#### Manfaat Pilihan No. 9

Perluasan untuk melindungi penenggelaman dan gelinciran tanah

Dilindungi	Tidak Dilindungi
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) penenggelaman dan /atau penimbunan tapak di mana bangunan berdiri atau tanah milik; atau</li> <li>(ii) gelinciran tanah.</li> </ul> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma <b>Polisi</b>.</p>	<p>Kami tidak akan membayar kerugian atau kerosakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar dan pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj yang dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama;</li> <li>(b) ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan yang rosak oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama;</li> <li>(c) akibat secara langsung atau tidak langsung oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Hakisan</b> pantai atau sungai;</li> <li>• Perobohan pengubalsuaian struktur atau pemberian struktur;</li> <li>• Kecacatan pada rekabentuk atau pembinaan asas yang tidak sempadan.</li> </ul> </li> <li>(d) Manfaat Pilihan ini adalah tertakluk kepada <b>lebihan</b> berikut dan ia digunakan untuk setiap kerugian:</li> </ul> <p>5% dari Keseluruhan <b>Jumlah Yang Diinsuranskan</b> tahunan RM25,000.00 mengikut yang lebih rendah, seperti yang ditetapkan setelah mengambil kira syarat-syarat purata.</p> <p><b>Nota:</b> Insurans ini boleh diperluaskan untuk melindungi butiran (a) dalam Manfaat Pilihan ini dengan bayaran premium tambahan berdasarkan Jumlah Yang Diinsuranskan yang berasingan.</p>
<p>Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) penenggelaman dan /atau penimbunan tapak di mana bangunan berdiri atau tanah milik; atau</li> <li>(ii) gelinciran tanah.</li> </ul> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma <b>Polisi</b>.</p>	<p><b>Notá:</b> Insurans ini boleh diperluaskan untuk melindungi butiran (a) dalam Manfaat Pilihan ini dengan bayaran premium tambahan berdasarkan Jumlah Yang Diinsuranskan yang berasingan.</p>

## Glosari

Beberapa perkataan dan ungkapan-ungkapan dalam **Polisi** ini mempunyai makna tertentu yang diberikan di bawah. Setiap perkataan yang dicetak dalam huruf tebal di mana ia muncul.

**"Kemalangan"** bermakna mana-mana acara tiba-tiba atau yang tidak dijangka dan ganas, yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada tindakan punca luaran, selain apa-apa kecederaan diri sendiri yang disengajakan.

**"Bangunan"** (lihat Fasal Menginsurans Seksyen I)

**"Kerugian Turutan"** bermakna kerugian kewangan.

**"Kandungan"** (lihat Fasal Menginsurans Seksyen II)

**"Susutnilai"** bermakna pengurangan dalam nilai barang atau harta akibat **haus** dan **lusuh**.

**"Pengendorsan"** bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had **Polisi** yang ditunjukkan di dalam **Jadual**.

**"Hakisan"** bermakna yang dipakai atau dihanyutkan oleh air atau angin.

**"Lebihan"** bermakna jumlah yang **Anda perlu** bayar terhadap tuntutan sebelum **Kami** membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam **Jadual** atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.

**"Keluarga"** dan **"Penghuni Rumah"** bermakna mana-mana orang yang selalunya menghuni dengan **Anda**.

**"Lekapan" atau "Lengkapan"** bermakna barang yang kekal melekat pada bangunan **Anda**.

**"Banjir"** bermakna limpahan atau lengungan dari saluran biasa sama ada secara semulajadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

**"Kawasan Geografi"** adalah merujuk kepada Malaysia sahaja.

**"Ganti Rugi"** bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.

**"Kejadian Yang Diinsuranskan"** bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Polisi** ini.

**"Kontrak Insurans Komersial"** bermaksud insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion pihak yang diinsurans.

**"Kejadian"** bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.

**"Terbuka"** bermakna di mana-mana bahagian **Premis** yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas **Premis** bangunan tersebut yang tidak dapat dicagar.

**"Tempoh Insurans"** bermakna tempoh di mana **Anda** diinsuranskan. Ia bermula pada masa **Kami** bersetuju untuk memberi perlindungan kepada **Anda** dan berakhir pada tengah malam hari insurans itu tamat. Tarikh tamat ada ditunjukkan di dalam **Jadual**.

**"Hilang Upaya Kekal"** bermaksud apabila kecederaan tidak mengakibatkan kematian kepada **Anda** dalam tempoh (365) hari dari tarikh kemalangan tetapi mengakibatkan 100% upaya mutlak daripada terlibat atau memberi perhatian kepada profesi atau pekerjaan dalam apa jua bentuk.

100% upaya mutlak dalam konteks ini bermaksud seperti di bawah:

Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki  
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata  
Kehilangan satu mata dan satu tangan  
Kehilangan satu mata dan satu kaki  
Lumpuh (dari leher ke bawah)  
quadriplegia kekal (kerugian atau kehilangan kekal bagi penggunaan empat kaki)  
Kehilangan satu kaki atau satu tangan  
Kehilangan penglihatan sebelah mata  
Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga  
Kehilangan pertuturan.

**"Barang Peribadi"** bermakna barang-barang peribadi kerap dipakai atau dibawa oleh orang yang pada / kegunaan peribadi beliau, sebagai contoh pakaian, jam tangan, dompet.

**"Plate kaca"** bermakna kaca dipasang pada struktur bangunan.

**"Premis"** bermakna tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana bangunan dibina, termasuk kawasan atau taman yang hanya digunakan untuk tujuan domestik.

**"Premium"** bermakna sebarang jumlah yang **Kami** minta Anda bayar di bawah **Polisi** ini dan termasuk caj kerajaan.

**"Kediaman Rumah Persendirian"** (lihat Fasal Menginsurans Seksyen I)

**"Tahun Polisi"** bermaksud satu (1) tahun kalendar dalam Tempoh Insurans.

**"Rompakan dan tahan"** bermakna harta benda diinsuranskan sama ada diambil atau diserahkan; kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di **Premis Anda**.

**"Penyewa Melarikan Diri"** di bawah BAHAGIAN V - INSURANS TUAN PENYEWA dalam Polisi ini, bermaksud penyewa melarikan diri atau meninggalkan kewajipan penyewa di semasa menyewa Bangunan Anda tanpa sebarang notis (bertulis / lisan) sebagai mungkir sewa atau tanpa niat untuk kembali atau mengikuti penyewaan tersebut.

**"Jadual"** bermakna **Jadual Polisi** di mana kedua-dua butiran yang diinsuranskan dan **jumlah yang diinsuraskan** dinyatakan.

**"Cagar"** bermakna dikunci untuk menghalang kemasukan melainkan jika menggunakan kekerasan.

**"Kadar Jangka Pendek Lazim"** bermakna seperti berikut:

Tempoh Tidak Melebihi (dalam tempoh Tahun Polisi)	Kadar Peratusan Yang Dicaj	
15 hari	10%	dari kadar tahunan
1 bulan	20%	-sama-
2 bulan	30%	-sama-
3 bulan	40%	-sama-
4 bulan	50%	-sama-
5 bulan	60%	-sama-
6 bulan	70%	-sama-
7 bulan	75%	-sama-
8 bulan	80%	-sama-
9 bulan	85%	-sama-
10 bulan	90%	-sama-
11 bulan	95%	-sama-
12 bulan	100%	-sama-

**"Jumlah Yang Diinsuraskan"** bermakna amaun **Anda** diinsuranskan sama ada bangunan **Anda**, isi kandungan **Anda** (termasuk kandungan ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual**. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh **Anda**.

**"Waranti"** bermakna sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap **Anda** di dalam **Polisi**. Pemungkaran waranti akan melayakkan **Kami** untuk menolak tuntutan **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.

**"Haus dan lusuh"** bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

**"Kami"** bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V).

**"Anda"** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai yang diinsuranskan.

## Pemberitahuan

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kecaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

## Notis penting kepada Pemegang Polisi

### Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.

Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan  
Allianz Arena Ground Floor Block 2A  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

Telefon: 1300 22 5542

Facebook Messenger: @AllianzMalaysia

E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

Laman web: [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my)

### Saluran untuk Penyelesaian an Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monet ari berikut:

- (1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan
- (2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman for Financial Services  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia  
No 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Telefon: 03 2272 2811  
Faks: 03 2272 1577  
E-mel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman web: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara Bertulis  
(BNMTELELINK):  
Pengarah  
LINK & Pejabat BNM  
Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur

Secara Bersemuka  
(BNMTELELINK):  
Ground Floor, Block D  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

Telefon: 1 300 88 5465  
Faks: 03 2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnk.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnk.gov.my)  
Laman web: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

This Page Is Intentionally Left Blank / *Mukasurat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong*

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.  
Putus Hubungan Allianz: 1300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my